

Headline	Terima anugerah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,790



DR Lim menerima anugerah Program Geran Biasiswa IAS/NIDA.

Kuala Lumpur: Buat pertama kali, saintis muda tempatan Dr Lim Sin How tersenarai sebagai penerima anugerah berprestij di bawah Geran Biasiswa Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) dengan kerjasama Institut Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan Amerika Syarikat (NIDA).

Dr Lim, 36, penyelidik di Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERIA), Universiti Malaya menerima dana berjumlah RM240,000 bagi menjalankan kajiannya.

Pada masa sama, beliau juga berpeluang menjalani latihan di Universiti Yale selama setahun enam bulan bagi membantu penyelidikannya nanti.

“Saya akan menggunakan kesempatan ini mengkaji secara lebih mendalam faktor penyebaran HIV/AIDS dalam kalangan lelaki yang mana mereka lebih berisiko membawa jangkitan ini.

“Skop kajian akan fokus kepada bawaan menerusi hubungan seksual sejenis yang menjadi risiko tertinggi jangkitan selain melihat perkembangan hubungan itu yang bermula daripada komunikasi menerusi telefon dan medium sosial lain“ katanya selepas menerima anugerah itu pada Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa di sini, semalam.

Menurut Dr Lim, semua pihak perlu mengambil berat masalah seks bebas.